



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2020**

Sejarah (940)



KANDUNGAN

Sejarah (940/1)	1 – 2
Sejarah (940/2)	3 – 4
Sejarah (940/3)	5 – 6

SEJARAH (940/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 23 204 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.92% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.59	4.40	5.14	8.64	11.11	16.35	15.69	5.91	3.00	5.51	18.67

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- (c) Calon yang cemerlang dapat menyediakan jawapan yang lengkap di bahagian pendahuluan, perbincangan isi jawapan dan kesimpulan jawapan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kemahiran teknologi pertanian masyarakat agraria di Belanda dari abad ke-16 hingga abad ke-17. Prestasi jawapan calon adalah baik untuk soalan ini kerana calon memahami kemahiran teknologi masyarakat agraria di Belanda. Jawapan calon yang baik ialah menghuraikan isi utama seperti teknologi dan kaedah guna tanah, teknik tanaman, pertanian hortikultur, dan kemajuan teknologi peralatan pertanian. Namun begitu, terdapat calon memberikan jawapan yang kurang menepati kehendak soalan iaitu, calon hanya memberikan jawapan ciri-ciri masyarakat agraria secara umum.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sistem kerajaan persekutuan yang diamalkan di Amerika Syarikat sejak abad ke-18. Terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan apabila mengaitkan jawapan dengan sistem persekutuan di negara lain. Selain itu, ada calon yang menjelaskan sistem persekutuan di Amerika Syarikat secara umum tanpa merujuk contoh yang jelas. Calon sepatutnya, menghuraikan struktur kerajaan yang merangkumi tiga badan penting, iaitu eksekutif, legislatif, dan kehakiman serta amalan demokrasi dan konsep pengasingan kuasa yang menjadi elemen penting kerajaan persekutuan Amerika Syarikat.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor-faktor yang membawa perkembangan ekonomi pertanian di England dari abad ke-17 hingga abad ke-18. Jawapan calon yang baik ialah membincangkan sistem pemilikan tanah, penciptaan peralatan pertanian, teknologi kejuruteraan pengairan, kemajuan sistem pengangkutan, faktor demografi, dan potensi pasaran domestik. Bagaimanapun ada calon memberikan jawapan yang tidak relevan seperti membincangkan faktor-faktor perkembangan masyarakat industri di England serta memberikan jawapan yang umum tanpa memberikan fakta yang relevan.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan pemikiran yang berlaku ke atas masyarakat Eropah semasa zaman Renaissans. Calon sepatutnya membincangkan perubahan seperti gerakan intelektual yang berlaku di Eropah, penolakan pemikiran lama zaman gelap, atau ‘*dark ages*’, perkembangan pemikiran sains, gerakan reformasi agama dan lain-lain sebagai isi penting. Walau bagaimanapun, terdapat calon membincangkan hal yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan seperti menghuraikan tokoh era Renaissans. Hal ini menunjukkan calon tidak mengusai pengetahuan tentang dinamika pemikiran Eropah pada zaman Renaissans.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan imperialisme Barat ke atas ekonomi dan politik China. Antara kesan politik adalah kemerosotan legitimasi kerajaan Dinasti Ching, kehilangan pengaruh, dan kepercayaan rakyat, kelemahan urus tadbir berkerajaan serta kemerosotan keupayaan militer. Manakala kesan ekonomi pula adalah penyusutan kantung perbandaharaan negara, kerajaan gagal melestarikan ekonomi yang stabil dan kukuh, serta pengeluaran produk China gagal bersaing dengan produk asing. Namun demikian, sebahagian calon tidak berpengetahuan dan menjawab soalan secara umum seperti membincangkan Perang Candu dan Pemberontakan Boxer.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan Perang Dunia Kedua terhadap politik dunia pada abad ke-20. Antara isi utama adalah penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dekolonisasi, permulaan Perang Dingin, persaingan Rusia dengan Amerika Syarikat sebagai kuasa besar, perpecahan Jerman menjadi dua entiti negara yang berbeza iaitu Jerman Barat dan Jerman Timur, serta perubahan pensem padanan Eropah. Namun demikian, terdapat calon yang mendapat markah rendah kerana membincangkan kesan Perang Dunia Pertama dan membincangkan kesan sosial dan ekonomi akibat Perang dunia Kedua.

SEJARAH (940/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 22 273 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 60.07% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.62	3.96	5.48	10.98	5.82	13.99	15.22	3.84	4.17	4.15	27.76

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon kerap memberikan jawapan yang tidak dikehendaki soalan. Terdapat kecenderungan calon memberikan jawapan mengikut pengetahuan calon sahaja bukan berdasarkan kehendak soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- (c) Calon tidak menguasai kemahiran menaakul dalam menjawab soalan. Fakta yang diberikan tidak disertakan hujah yang relevan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha yang dilakukan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab dalam bidang ekonomi dan sosial bagi membina sebuah negara yang berkebajikan. Jawapan yang sepatutnya adalah pengurusan baitulmal yang cekap, kemantapan sistem percukaian, pertanian, dan perdagangan. Usaha dalam bidang sosial ialah memajukan bidang pendidikan, membangunkan bandar-bandar baharu, membina infrastruktur, dan memelihara kebajikan rakyat. Namun begitu, terdapat sebahagian besar calon memberikan jawapan yang yang tidak menepati kehendak soalan seperti membincangkan perkara yang tidak berkaitan seperti Majlis Syura, hubungan luar negeri, dan Dewan al Jundi.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perjanjian dengan pihak luar mempercepatkan kejatuhan Khalifah Uthmaniyyah. Keseluruhannya, prestasi calon dalam menjawab soalan ini tidak memberangsangkan. Terdapat calon memberikan jawapan yang tidak relevan seperti faktor-faktor kejatuhan Turki Uthmaniyyah. Malah, ada calon yang membincangkan sumbangan Sultan Muhammad al Fateh. Calon sepatutnya membincangkan siri perjanjian dengan pihak luar yang mempercepatkan kejatuhan Khalifah Uthmaniyyah seperti Perjanjian Radzin 1681, Perjanjian Karlowitz 1699, Perjanjian Constantinople 1700, Perjanjian Passarowitz 1718, dan Perjanjian Kucuk Kaynarca 1774.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perkembangan institusi pendidikan di Aceh pada abad ke-16 Masihi dan abad ke-17 Masihi. Umumnya, pencapaian calon yang menjawab soalan ini berada pada tahap memuaskan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang dikehendaki oleh soalan seperti membincangkan perkembangan pendidikan tidak formal seperti di masjid, dan pendidikan formal seperti di madrasah, *rangkang*, *dayah*, universiti, kurikulum, keguruan, dan institusi pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat calon memberikan jawapan yang kurang relevan seperti membincangkan faktor-faktor perkembangan pendidikan di Aceh.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perkembangan ilmu *aqli* pada zaman Khalifah Abbasiyah dari abad ke-11 Masihi hingga abad ke-13 Masihi. Sebahagian besar calon berjaya mengemukakan perkembangan ilmu *aqli* seperti dalam bidang falsafah, matematik, astronomi, perubatan, sejarah, geografi, dan juga sastera. Calon juga dapat mengemukakan nama tokoh dan kitab-kitab yang relevan. Walau bagaimanapun, ada calon mengemukakan contoh jawapan yang berkaitan dengan ilmu *naqli*, membincangkan tokoh luar bidang seperti sumbangan Salahuddin al-Ayubbi, Sultan Muhammad al-Fateh, dan juga sumbangan al-Khawarizmi. Hal ini menjelaskan prestasi calon menjawab soalan ini.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon memerihalkan peranan Ahmad Urabi Pasha dalam gerakan penentangan rakyat Mesir terhadap penjajahan British pada abad ke-19 Masihi. Calon sepatutnya memerihalkan peranan Ahmad Urabi Pasha seperti memimpin gerakan penentangan golongan tentera tempatan, memimpin gerakan penentangan golongan awam *fellahin*, menubuhkan pakatan sulit dalam tentera, menubuhkan parti yang berorientasikan kebangsaan, memimpin Gerakan Urabi, dan menjadi pelopor kebangkitan semangat nasionalisme rakyat Mesir. Kebanyakan calon gagal memahami kehendak soalan kerana membincangkan perkara yang tidak relevan seperti faktor-faktor yang menyumbang kepada gerakan nasionalisme di Mesir.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor penglibatan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama. Prestasi calon menjawab soalan ini adalah memuaskan kerana kebanyakan calon dapat menghuraikan faktor penglibatan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama seperti polisi ketenteraan yang agresif, wujudnya permusuhan tradisi antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan Rusia, penularan gagasan Pan-Turkisme, dan kewujudan gerakan pemulauan diplomatik terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah. Namun begitu, terdapat calon yang menjawab soalan ini dengan tidak tepat kerana calon menghuraikan faktor kejatuhan Turki Uthmaniyyah dan membincangkan kesan penglibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama.

SEJARAH (940/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 22 520 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.12% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	20.32	4.38	4.68	2.46	10.50	14.18	10.60	7.08	6.21	3.66	15.93

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- (c) Calon tidak memahami maksud dan konsep yang dikemukakan dalam soalan seperti konsep struktur sosial, raja berperlembagaan dan raja mutlak.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan struktur sosial masyarakat yang terdapat di Tanah Melayu sebelum campur tangan British pada tahun 1874. Jawapan yang sepatutnya, calon perlu menjelaskan dua kategori masyarakat di Tanah Melayu pada tempoh tersebut. Dua kategori yang dimaksudkan ialah golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Bagi golongan pemerintah, calon perlu menjelaskan lapisan elit dalam masyarakat seperti golongan raja dan kerabat, para pembesar, dan penghulu. Manakala, golongan yang diperintah pula terdiri daripada rakyat jelata dan golongan hamba. Calon juga perlu menjelaskan perbezaan antara kedua-dua golongan tersebut dengan huraian dan fakta yang relevan. Calon juga perlu menjelaskan struktur hierarki, peranan dan hubungan masyarakat di Tanah Melayu. Namun begitu, terdapat calon memberikan jawapan yang kurang menepati kehendak soalan seperti menjelaskan golongan pemerintah sahaja. Ada juga calon yang menjelaskan aspek ekonomi, politik, dan sosial masyarakat yang terdapat di Tanah Melayu sebelum campur tangan British pada tahun 1874.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu akibat campur tangan British. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini memberikan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan seperti membincangkan kegiatan ekonomi tradisional, faktor perkembangan ekonomi, pengasingan ekonomi mengikut kaum, dan kesan campur tangan British

di Tanah Melayu. Calon sepatutnya membincangkan arah aliran perubahan ekonomi yang berlaku seperti perkembangan teknologi dan pemasaran perusahaan bijih timah dan perkembangan tanaman baharu seperti pokok getah. Perkembangan ekonomi juga berkaitan dengan kemasukan pemodal dan pelabur besar dari Eropah khususnya Britain.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai raja berperlembagaan dalam sistem pemerintahan Malaysia. Sebahagian besar calon berjaya memberikan huraian yang bertepatan kehendak soalan seperti peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara, bidang kuasa baginda dalam ketiga-tiga badan pemerintahan kerajaan iaitu ekssekutif, perundangan, dan kehakiman, ketua agama Islam serta kuasa budi bicara baginda selaku Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun ada segelintir calon memberikan jawapan yang kurang relevan seperti menghuraikan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam aspek ekonomi, sosial, dan politik.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan raja berkuasa mutlak di Thailand sebelum pemerintahan Thailand oleh Raja Mongkut. Calon sepatutnya, membincangkan peranan raja berkuasa mutlak di Thailand dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial. Skop masa perbincangan ialah era sebelum pemerintahan Raja Mongkut. Peranan Raja Mongkut melaksanakan transformasi terhadap institusi raja hendaklah dibincangkan sebagai isi penting dalam perubahan kuasa mutlak raja di Thailand. Walau bagaimanapun, ada calon membincangkan hal yang tidak relevan seperti pemodenan negara oleh Raja Mongkut.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan matlamat penubuhan Sarekat Islam di Indonesia dari tahun 1912 hingga tahun 1930. Kebanyakan calon gagal memahami matlamat penubuhan Sarekat Islam dari tahun 1912 hingga tahun 1930. Terdapat segelintir calon hanya membincangkan matlamat penubuhan dari segi sosial iaitu mengukuhkan agama Islam. Selain itu, terdapat juga calon terkeliru dengan matlamat penubuhan Sarekat Islam dengan matlamat Partai Nasional Indonesia (PNI). Calon sepatutnya membincangkan matlamat penubuhan Sarekat Islam dari tahun 1912 hingga tahun 1930 seperti tuntutan politik, ekonomi, dan sosial oleh Sarekat Islam terhadap pihak kolonial Belanda. Matlamat organisasi yang berkaitan kepentingan agama Islam ialah menuntut pemansuhan undang-undang yang menjelaskan perkembangan Islam, gaji tetap kepada golongan kiyai, dan subsidi kerajaan kepada institusi pendidikan Islam. Dalam bidang ekonomi, Sarekat Islam memperjuangkan kepentingan pemilikan negara dalam sektor industri, kemudahan infrastruktur dalam sektor pertanian, dan juga isu pemilikan tanah. Dalam bidang politik dan pentadbiran pula Sarekat Islam menuntut pembentukan majlis kerajaan tempatan, *Volksraad*, hak mengundi, dan pemberian taraf pemerintahan negara Indonesia.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan penglibatan Filipina dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Prestasi calon dalam menjawab soalan ini kurang baik walaupun ramai calon mencuba menjawab soalan ini. Terdapat calon memfokuskan jawapan kepada peranan PBB tetapi tidak membincangkan peranan Filipina secara terperinci. Malah ada calon membincangkan penglibatan Filipina dalam lingkungan wilayah Asia Tenggara seperti *The Greater Malayan Confederation* (MAPHILINDO), *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO), dan *The Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN). Calon sepatutnya membincangkan penglibatan Filipina seperti pelantikan Carlos Romulo dalam agensi PBB, penglibatan Filipina dalam perjanjian antarabangsa, dan penyertaan tentera Filipina sebagai tentera pengaman PBB.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488
Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my